



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

TEKS UCAPAN
YB DATUK SERI RINA MOHD HARUN
MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT

PROGRAM
PERHIMPUNAN BULANAN KPWK M BIL.2/2021

LOKASI / TARIKH / MASA
DEWAN PERDANA NUR / 10 MAC 2021 / 10:00 PAGI

Bismillahirrahmanirrahim

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh,

Salam Sejahtera, Salam Malaysia Prihatin

(SALUTASI)

LAMPIRAN SALUTASI DISEDIAKAN

KATA-KATA ALUAN

1. Terlebih dahulu, marilah kita sama-sama menzahirkan rasa kesyukuran ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan izin-NYA jua, kita masih diberikan ruang untuk bersama-sama dalam Majlis Perhimpunan Bulanan KPWKM kali ke-2 untuk tahun 2021 pada pagi ini.
2. Suka saya mengingatkan diri saya dan juga seluruh warga KPWKM bahawa kita masih lagi bertanggungjawab untuk memutuskan rantai penularan virus Covid-19 dan perlu mematuhi SOP yang telah ditetapkan. Ini bukanlah 'pasport' untuk kita bertindak sambil lewa kerana kita masih mempunyai peranan yang sangat besar untuk "lindungi diri, lindungi semua".

PENGHARGAAN BAGI SAMBUTAN HARI WANITA

Warga KPWKM yang saya kasihi,

3. Kita baru sahaja selesai menyambut Hari Wanita pada 08 Mac 2021 yang telah disempurnakan oleh YAB Perdana Menteri Malaysia. Di kesempatan ini, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada seluruh tenaga kerja Jabatan Pembangunan Wanita serta keluarga besar KPWKM yang telah bersama-sama menjayakan majlis tersebut.
4. Alhamdulillah di atas sambutan yang amat menggalakkan dan saya kira, kita telah melakukan yang terbaik untuk menyampaikan mesej yang bertepatan dengan tema kita pada tahun ini iaitu 'Wanita Bangkit Mendepani Cabaran'.

5. Banyak pesanan penting yang telah disampaikan oleh YAB Perdana Menteri dan saya meminta agar perkara-perkara yang telah diumumkan beliau dapat disusuli dengan segera bersama pihak-pihak yang berkaitan.

HARAPAN UNTUK SAMBUTAN HARI-HARI PENTING KUMPULAN SASAR YANG LAIN

6. Saya juga meletakkan harapan yang tinggi agar sambutan hari-hari penting untuk kumpulan sasaran KPWKM yang lain seperti Hari Kanak-Kanak, Hari Warga Emas, Hari OKU, Bulan Keluarga Kebangsaan dan lain-lain bukan sahaja berbentuk majlis sambutan semata-mata, tetapi perlu diisi dengan perkara-perkara substantif yang mampu memberikan manfaat kepada kita dan juga kumpulan sasaran.

7. Kita wajar mengambil peluang dalam setiap sambutan hari istimewa ini untuk menyampaikan mesej-mesej penting, mengangkat usaha-usaha Kerajaan dan seterusnya mengajak semua pihak untuk terus bergerak bersama KPWKM dalam menyantuni keperluan kumpulan sasaran kita.
8. Adalah penting agar perancangan awal dibuat supaya inisiatif-inisiatif penting untuk kumpulan sasaran yang berkaitan dapat dibincangkan dan dirangka dengan berkesan bersama semua pihak yang berkepentingan.

PESANAN SEMPENA SETAHUN PENTADBIRAN PERIKATAN NASIONAL

Warga KPWKM yang saya kasihi,

9. Telah genap setahun saya berada di sini menggalas tanggungjawab yang diamanahkan oleh Kerajaan Perikatan Nasional.

- 10 Perlu saya akui bahawa perjalanan ini bukan mudah, kerana tidak lama selepas Kerajaan PN diberikan mandat untuk mengemudi negara pada bulan Mac 2020, kita berhadapan dengan konflik kesihatan iaitu pandemik COVID-19 yang bukan sahaja melanda negara tetapi juga di peringkat dunia.

- 11 Wabak Covid-19 telah mendedahkan kita kepada beberapa bentuk cabaran baharu. Cara kita melakukan tugas bukan lagi seperti biasa. Beban kerja kita juga bukan lagi dalam kuantiti yang sama.

12 Rakyat yang merupakan keluarga besar kita di luar sana berdepan dengan kesukaran yang kita sendiri tidak pernah terjangka. Isu-isu di lapangan semakin kritikal dan memerlukan perhatian segera dan penyelesaian yang lebih teliti untuk ditangani.

13 Walaubagaimanapun, saya merasa cukup bertuah kerana dianugerahkan pasukan KPWKM yang amat komited mengharungi segala penat lelah untuk memastikan perkhidmatan kita sampai kepada mereka yang memerlukan.

14 Jika kita masih ingat, perjuangan kita bermula dengan tugas yang amat penting iaitu menguruskan pengagihan **bakul makanan kepada mereka yang terkesan oleh penularan COVID-19 dan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).**

15 Pengurusan kebajikan masyarakat telah diberi keutamaan sepanjang tahun 2020 yang merangkumi elemen kelangsungan hidup, bantuan kebajikan dan misi kemanusiaan semasa pandemik COVID-19 melalui **5 inisiatif kementerian:**

Pertama : Bantuan Bakul Makanan

16 Kita telah berjaya mengagihkan **1 juta** bakul makanan kepada golongan yang terkesan di seluruh negara dan ia telah memberi manfaat kepada **4 juta orang.**

17 Hampir **3,300 orang** atau **47 peratus** daripada keseluruhan kakitangan JKM di seluruh negara digerakkan bagi mengagihkan bakul makanan ke seluruh negara termasuk di **kawasan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) dan Pusat-Pusat Kuarantin.**

Kedua : Program Kembara Prihatin Negara

18 Sehingga 8 Mac 2021, sebanyak **789 Program Kembara Prihatin Negara** telah dilaksanakan dengan penglibatan pelbagai agensi Kerajaan, **145 Badan Bukan Kerajaan (NGO)**, **57 entiti sektor korporat** dan program ini dijalankan di **124 daerah di setiap negeri di Malaysia**.

19 Program ini telah memberikan manfaat secara kumulatif kepada **141,159 klien yang melibatkan pengurusan 10,605 aduan dengan kerjasama 1,767 sukarelawan** di lapangan dan dijangka akan diteruskan sehingga **31 Oktober 2021**.

Ketiga : Memperkasakan Perkhidmatan Prikososal

20 Semenjak Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dilaksanakan bermula 18 Mac 2020, KPWKM telah memantapkan operasi Talian Kasih sebagai talian helpline bagi seluruh rakyat Malaysia. Berdasarkan statistik panggilan, berlaku peningkatan mendadak bagi jumlah panggilan pada **tahun 2020 iaitu 153,024 berbanding 25,868 pada tahun 2019.**

KPWKM juga telah menjalinkan kerjasama strategik bersama **60 buah NGO** untuk meningkatkan fungsi, keberkesanan dan kebolehcapaian Talian Kasih.

Di samping itu, statistik panggilan menunjukkan antara golongan yang paling terkesan ialah wanita dan kanak-kanak. KPWKM telah memperkenalkan **perkhidmatan Tele-Kaunseling pada 25 Mac 2020 dengan penglibatan seramai 784 orang kaunselor berdaftar di bawah Lembaga Kaunselor Malaysia** bagi menangani panggilan berkaitan masalah keluarga, tekanan, *anxiety*, *panic attack* dan memerlukan sokongan emosi.

21 KPWKM turut memperkenalkan **Akademi Keluarga Sejahtera (AKS)**. AKS merupakan platform dalam talian yang menyampaikan input dan kandungan berkenaan dengan pemantapan institusi kekeluargaan.

Program-program yang dilaksanakan menerusi **40 slot AKS** telah mencatatkan **199,499 tontonan sejak pelancaran pada November 2020**.

22 Manakala bagi menyantuni golongan wanita yang terkesan, KPWKM menambahbaik **Program Wanita Anti Jenayah (WAJA)** kepada Skwad WAJA yang bertujuan untuk membangunkan wanita sebagai agen wanita bagi menangani keganasan terhadap wanita dalam komuniti, memperkasa komuniti melalui aktiviti psikososial dan bimbingan dalam menangani isu-isu sosial dan membantu membina masyarakat yang saling bantu-membantu.

Sepanjang tahun 2018 - 2020, **sebanyak 86 program Skwad WAJA** telah dilaksanakan dengan melibatkan **72,142 orang peserta.**

23 Program Khidmat Sokongan Remaja (Mobile KafeTEEN) turut dilaksanakan bagi **meningkatkan aksesibiliti terhadap Perkhidmatan Pendidikan Kesihatan Reproduktif dan Sosial** kepada golongan remaja ke kawasan komuniti dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Tekanan emosi yang dihadapi remaja sepanjang PKP telah ditangani dengan melibatkan mereka dalam aktiviti interaktif dan bermanfaat tanpa meninggalkan pelajaran dan **antara perkhidmatan psikososial yang disediakan adalah seperti berikut:**

- i. Khidmat saringan kepada remaja yang mengalami stres dan kesihatan mental semasa pandemik COVID-19 dan khidmat nasihat secara terus oleh MyCounselor dan MyDoctor;
- ii. Perkhidmatan klinikal dan kaunseling dalam bidang kesihatan reproduktif dan seksual;
- iii. Perkhidmatan kaunseling sosial;
- iv. Khidmat nasihat pakar dan sokongan pemulihan bagi masalah salahlaku seksual dan ketagihan; dan

- v. Mempromosi dan mengadakan aktiviti intervensi bagi menggalakkan remaja yang terkesan dengan pandemik dan masalah sosial dapat mengendali serta menguruskan diri dengan baik dan menjalani gaya hidup sihat secara 3R iaitu Remaja, Realiti dan Risiko.

24 Statistik pelaksanaan Mobile KafeTEEN secara keseluruhannya adalah **melebihi jumlah sasaran.**

Perkhidmatan Pendidikan & Pembangunan Kemahiran mencapai sebanyak **31,180 klien** iaitu sebanyak **141.1 peratus pencapaian sasaran.**

Bagi perkhidmatan **Promosi & Penerangan**, jumlah klien yang dicapai adalah sebanyak **33,097 yang bersamaan 177 peratus pencapaian sasaran.**

Manakana **Perkhidmatan kaunseling**, seramai **845 klien** telah dicapai yang merangkumi **198.8 peratus** pencapaian sasaran.

Dan, untuk **Perkhidmatan Kesihatan Reproduksi**, seramai **738 klien** telah dicapai, bersamaan **131.8 peratus pencapaian sasaran**.

Keempat : Kenaikan Bantuan Kebajikan Kepada Kumpulan Sasar Kementerian

25 Kerajaan melalui advokasi oleh KPWKM telah bersetuju untuk menaikkan kadar bantuan kebajikan bulanan kepada kumpulan sasar Kementerian melalui Belanjawan Tahun 2021 seperti berikut:

a) Golongan OKU:

- i. Kadar Bantuan OKU Tidak Berupaya Bekerja dinaikkan daripada RM250 kepada RM300 dan memberi manfaat kepada 84,000 penerima;**
- ii. Kadar elaun Pekerja OKU dinaikkan daripada RM400 kepada RM450 dan memberi manfaat kepada 88,000 penerima; dan**

iii. Bantuan Penjagaan OKU dan Pesakit Kronik Terlantar **dinaikkan daripada RM350 kepada RM500 yang memanfaatkan seramai 27,753 penerima.**

b) Warga Emas:

i. Kadar bantuan orang tua turut **dinaikkan daripada RM350 kepada RM500 sebulan yang akan memanfaatkan seramai 136,240 penerima.**

ii. Nilai suguhati kepada sukarelawan di bawah Program Khidmat Bantu di Rumah **dinaikkan daripada RM150 kepada maksimum RM400** dan nilai suguhati kepada klien program turut **dinaikkan daripada RM30 kepada RM80.** Kenaikan ini dijangka **memanfaatkan lebih 2,000 sukarelawan dan lebih 8,000 warga emas dan OKU.**

c) Kanak-Kanak:

Kadar Bantuan Kanak-kanak Keluarga Miskin daripada RM100 seorang anak dengan maksimum RM450 sekeluarga, **dinaikkan kepada RM150 seorang anak berumur 7 tahun hingga 18 tahun atau RM200 seorang anak berumur 6 tahun dan ke bawah dengan maksimum RM1,000 sekeluarga yang akan memanfaatkan seramai 63,000 penerima.**

d) Pusat Jagaan/Aktiviti:

- i. Elaun Petugas dan Penyelia di Pusat Pemulihan Dalam Komuniti (PDK) yang kali terakhir dikaji pada Tahun 2008 **dinaikkan daripada RM800 kepada RM1200** sebulan manakala **elaun penyelia dinaikkan daripada RM1200 kepada RM1500** sebulan. Kenaikan ini akan memanfaatkan 3,500 petugas dan penyelia PDK seluruh negara.

- ii. Kerajaan juga menaikkan bantuan kewangan tahunan bagi pengendalian Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE) yang dikendalikan oleh NGO daripada RM33,000 kepada RM50,000. Kenaikan ini akan memberi manfaat kepada 150 Buah Pusat Aktiviti Warga Emas di seluruh negara dan 47,000 ahli PAWE.

Kelima : Memproduktif Kebajikan Menerusi Pendekatan Perkongsian Nilai Korporat (Corporate Shared Value (CSV))

26 Golongan rentan sentiasa menjadi tumpuan utama KPWK M menerusi pelbagai bantuan, program dan latihan pembangunan kapasiti.

Usaha ini telah digembleng bersama pelbagai sektor contohnya korporat, swasta, Badan Bukan Kerajaan (NGO) dan orang awam di Malaysia menerusi pendekatan ***Corporate Shared Value (CSV)***.

27 Justeru, Yayasan Kebajikan Negara (YKN) yang merupakan salah satu agensi di bawah KPWKM telah menjadi hub sumbangan yang berperanan untuk menjalinkan pelbagai perkongsian pintar dengan pelbagai sektor ke arah memajukan taraf hidup dan kesejahteraan golongan tersebut.

28 Sepanjang **Tahun 2020**, **YKN telah berjaya menguruskan sumbangan berjumlah RM34.1 juta** yang diterima daripada **42 entiti** yang merangkumi syarikat korporat pelbagai sektor, NGO dan orang awam **berbanding hanya RM4.4 juta pada Tahun 2019**.

Tahniah, syabas dan terima kasih kepada anda semua.

29 Alhamdulillah, dengan pelbagai suntikan bantuan dan sokongan oleh Kerajaan di bawah Pakej Rangsangan Ekonomi, sama ada di bawah PENJANA, PRIHATIN dan PERMAI serta penglibatan pertubuhan bukan Kerajaan (NGO), kumpulan sasar kita mendapat faedah dan manfaat yang pastinya telah membantu mengurangkan beban mereka.

30 Paling penting, kita berjaya menyediakan bantuan dan sokongan kepada keluarga-keluarga yang memerlukan demi memastikan kelangsungan hidup mereka.

31 Tahun ini juga menyaksikan Kerajaan membuktikan komitmen untuk menambahbaik bantuan-bantuan kewangan yang diberikan. Bantuan Warga Emas, Bantuan OKU, Bantuan Pesakit Kronik Terlanjar, Elaun Pekerja OKU serta Bantuan Kanak-Kanak telah ditingkatkan oleh Kerajaan.

BANTUAN KHUSUS KEPADA KAUM WANITA

32 **Wanita Malaysia** membentuk **48.5%** daripada keseluruhan **32.7 juta** penduduk negara. Kementerian ini tanpa lelah, dari semasa ke semasa mengajak semua pihak untuk sama-sama mempunyai **rasa kepunyaan** terhadap isu-isu wanita.

33 Kementerian akan menumpukan kepada kerjasama strategik dengan semua pihak yang berbidang kuasa untuk menyediakan sumber dan peluang yang lebih banyak kepada wanita dengan kerjasama lebih 20 Kementerian dan agensi lain.

34 **Jabatan Pembangunan Wanita (JPW)** telah melaksanakan pelbagai inisiatif untuk golongan wanita. Sepanjang tahun 2020, sebanyak **969 program khusus** untuk wanita melibatkan seramai **400,438 orang** telah dilaksanakan.

Bantuan Ekonomi

35 **Bantuan Khas Ibu Tunggal (BKIT) RM300 seorang** secara **one-off** kepada 150,000 ibu tunggal seluruh Negara.

36 Peruntukan sebanyak RM50 juta bagi **pembiayaan mikro dengan kerjasama BSN dan TEKUN Nasional untuk Usahawan Wanita;**

37 Pengenalan **MyDIGITAL dan Rangka Tindakan (Blueprint) Ekonomi Digital Malaysia** juga pastinya akan dapat membantu golongan usahawan wanita memasarkan produknya menggunakan website **pemasaran digital @ e-commerce.**

38 Program JPW - **Pusat Aktiviti Cakna Bangun Ekonomi (PACBE), E-Rezeki, Youngwomen Bootcamp,**

39 **Kerjasama dengan Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MEDAC)** melaksanakan **Program Successful Women Entrepreneurship Engagement Talent (SWEET)** dengan kerjasama Perbadanan Nasional Berhad (PNS)

40 **Program TemanNita** dengan kerjasama (TEKUN) menawarkan inisiatif bimbingan, latihan dan peluang pembiayaan perniagaan kepada wanita yang berminat. Permohonan setakat ini adalah seramai 5,634 orang.

Kesihatan

1. **Mamogram & HPV DNA** untuk **45,000 wanita yang layak** dan memenuhi kriteria bagi mencegah kanser serviks dan payudara. Ia akan dilaksanakan dalam tahun 2021 di seluruh negara. Kerjasama dengan **48 pusat mamogram** di seluruh malaysia.

Kerjaya

1. **Bantuan Khas kepada pengusaha (TASKA)** yang terkesan secara langsung akibat pelaksanaan (PKP) dengan peruntukan RM 12,145,500.00 (Juta)
2. **Geran RM30 juga bagi penubuhan TASKA di Tempat Kerja Awam dan geran padanan RM20 juta di sektor swasta** bagi jagaan anak dan menyokong wanita keluar bekerja
3. **LPPKN, Program MamaCare** telah dilaksanakan iaitu satu Perkhidmatan Penjagaan Holistik Ibu Selepas Bersalin melibatkan 100 wanita muda pada usia muda 18 hingga 23 dalam kalangan B40.

Psikososial

1. Peruntukan sebanyak **RM21 juta bagi Penubuhan Sokongan Sosial Setempat** termasuklah bagi menangani isu-isu berkaitan keganasan rumah tangga.
2. Program JPWA - **Klinik Undang-Undang, Waja (EVAW), Wanita dan Kepimpinan dan Klinik De Stress.**

41 Selain itu, kementerian ini turut mengambil kira keperluan-keperluan selain bantuan kewangan dengan meningkatkan usaha-usaha mewujudkan dan menambahbaik *enabling environment* yang boleh mengembalikan keupayaan masyarakat khususnya melalui unit keluarga.

42 Ini boleh dilihat melalui usaha-usaha untuk memastikan pengoperasian TASKA yang sememangnya cukup memberi manfaat kepada frontliners dalam penjagaan anak-anak mereka sementara mereka berjuang untuk membantu merawat dan menyelamatkan nyawa rakyat Malaysia.

43 Kita juga berikan peluang kepada kumpulan sasar untuk menjana pendapatan dan kita dedahkan mereka kepada beberapa kemahiran termasuklah aspek pengasuhan dan penjagaan melalui Kursus Asuhan PERMATA.

44 Kini kita perlu menjadi lebih agresif. Kita perlu bergerak dengan menumpukan kepada pendekatan merakyatkan perkhidmatan serta membawa kementerian ini ke lapangan dan saya percaya kita telah berjaya melakukannya melalui Program Kembara Prihatin Negara yang dipacu oleh JKM dengan bantuan Kementerian dan Jabatan/Agensi lain.

45 Tahniah saya ucapkan kepada anda semua. Saya tidak mampu ungkapkan dalam bentuk kata-kata betapa saya amat berterima kasih dan menghargai usaha keras anda semua, menyantuni kumpulan sasar kita di lapangan. Ini adalah satu pencapaian yang amat membanggakan.

46 Selain itu, kita juga dalam usaha mewujudkan Pusat Sokongan Sosial Setempat yang akan mula beroperasi pada tahun ini bagi membawa perkhidmatan-perkhidmatan KPWKM terus kepada komuniti.

47 Suka saya ingatkan bahawa untuk merealisasikan hasrat mewujudkan Pusat Sokongan Sosial Setempat ini, kita perlukan kerjasama yang padu daripada semua warga KPWKM tanpa mengira pangkat, gred, bahagian, unit, jabatan atau agensi.

48 Saya berharap pusat sokongan ini akan membuka lembaran baharu yang lebih baik untuk kita menyampaikan perkhidmatan ke peringkat akar umbi rakyat.

49 Saya juga ingin menekankan tentang pendekatan konsep *Corporate Shared Value*. Konsep ini menitikberatkan komitmen jangka masa panjang dan penglibatan terus daripada pelbagai pihak untuk menyampaikan perkhidmatan kepada kumpulan sasaran.

50 Saya ingin menyeru kepada kita semua supaya melibatkan rakan-rakan strategik daripada badan bukan kerajaan, syarikat korporat, serta orang awam dalam menyantuni dan membangunkan kumpulan sasaran KPWK.

51 Kerjasama sedia ada perlu ditingkatkan lagi dan lebih banyak peluang usahasama perlu diteroka untuk memastikan lebih banyak program/projek untuk kumpulan sasaran kita dapat dilaksanakan.

Warga KPWKM yang saya kasihi,

52 Pandemi Covid-19 telah memberikan seribu satu cabaran kepada kita dan dalam masa yang sama, ia turut membawa hikmah yang tidak terkira. Dalam usaha membantu rakyat yang terjejas akibat COVID-19, kita menjadi semakin dekat dengan masyarakat. Kita dapat mendengar keluhan mereka dan kita turut merasa betapa terbebannya mereka.

53 Pandemi COVID-19 juga telah memberikan kesan kepada kesihatan mental manusia. Kita semua terkesan dengan pelbagai perkara antaranya termasuklah kerana pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), kehilangan ahli keluarga dan orang yang disayangi, kehilangan pekerjaan, anak-anak yang tidak ke sekolah dan keluarga yang terpaksa tinggal di rumah dalam situasi yang penuh kesukaran dan ada yang terdedah kepada risiko penderaan dan keganasan rumah tangga.

54 Dalam usaha menyediakan sokongan psikososial dalam era pandemik yang mencabar ini, Talian Kasih 15999 telah ditambahbaik dengan menyediakan perkhidmatan tele kaunseling.

55 Talian Kasih kita telah menjadi platform yang menerima aduan, pertanyaan dan komen rakyat berkenaan pelbagai perkara dan rakyat tahu bahawa segala yang diterima itu didengari dan diambil tindakan.

Sekali lagi, tahniah dan syabas saya ucapkan.

56 Kita juga bertindak proaktif dengan memulakan usaha meningkatkan ketahanan keluarga mendepani cabaran Covid-19 dengan pelaksanaan program khusus melalui pemerksaan komuniti dalam membantu pengukuhan institusi keluarga, memperkukuh khidmat sokongan keluarga serta meningkatkan aksesibiliti kepada pendidikan kekeluargaan dan keibubapaan yang dilaksanakan oleh Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN).

57 Banyak lagi usaha-usaha Kementerian ini yang saya tak sempat senaraikan tetapi amat signifikan, dan telah berjaya membantu masyarakat di luar sana.

58 Saya dengan penuh rasa keikhlasan ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan terima kasih kepada seluruh warga KPWKM atas dedikasi dan komitmen yang telah diberikan sepanjang tempoh setahun pentadbiran Kerajaan Perikatan Nasional.

59 Saya juga amat berbesar hati menyampaikan pesanan dan rasa penghargaan YAB Perdana Menteri kepada anda semua yang telah banyak membantu memastikan kelangsungan perkhidmatan Kerajaan kepada rakyat di luar sana.

60 Warga Kementerian, JKM, JPW, LPPKN, ISM, Lembaga Kaunselor dan YKN, adalah antara hero negara!

WAY FORWARD DAN PELANCARAN PELAN STRATEGIK KPWKM.

Warga KPWKM yang saya kasihi,

61 Kerajaan Perikatan Nasional amat komited dalam usaha untuk memulihkan negara dan juga memastikan tiada kumpulan masyarakat yang tercicir dalam setiap aspek.

We want to leave no one behind.

62 Dalam hal ini, saya menyeru kepada kita semua untuk memastikan apa sahaja polisi yang akan digubal, program yang akan dilaksanakan dan aktiviti yang akan dijalankan agar memberi fokus kepada pendekatan pengupayaan, bukan memberi bantuan semata-mata.

“Memberi pancing dan bukan ikan”.

63 Adalah menjadi hasrat utama KPWKM untuk melihat lebih ramai penerima-penerima bantuan kita dapat dikeluarkan daripada senarai penerima bantuan kerana telah diupayakan dan berjaya keluar daripada kemiskinan.

64 Agenda membasmi kemiskinan merupakan agenda nasional yang diperjuangkan oleh pelbagai pihak sejak sekian lama dan telah menjadi keutamaan Kerajaan Perikatan Nasional lebih-lebih lagi dalam situasi Pandemik COVID-19 ini.

65 Pelbagai platform diwujudkan dan diperkasakan bagi tujuan ini dan yang terkini, Jawatan Kuasa Khas Kabinet Bagi Menangani Kemiskinan. Kita juga telah membentangkan Hala Tuju Bantuan Sosial kepada Majlis Tindakan Ekonomi Negara (EAC) dan salah satu perkara yang dipersetujui adalah supaya kita menyediakan program *Exit Policy* kepada penerima-penerima bantuan bagi mengurangkan kebergantungan terhadap bantuan Kerajaan.

66 Oleh yang demikian, segala usaha menangani kemiskinan perlu diselaraskan di pelbagai peringkat, dan bagi kita di KPWKM, adalah menjadi satu kemestian supaya semua Bahagian/Unit/Jabatan dan Agensi melaksanakan inisiatif yang bersepadu khususnya dalam usaha mengeluarkan penerima-penerima bantuan daripada kemiskinan.

67 Program-program berbentuk pembangunan kemampuan, kemahiran, dan keusahawanan yang dilaksanakan oleh JPW, LPPKN, ISM, YKN, Lembaga Kaunselor atau JKM sendiri, seharusnya mengutamakan penyertaan daripada kalangan penerima bantuan terlebih dahulu supaya hasrat membasmi kemiskinan ini dapat direalisasikan.

Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk melontarkan cabaran buat semua warga KPWKM.

68 Saya rasa sudah tiba masanya supaya kita menetapkan sasaran jumlah penerima bantuan yang akan dikeluarkan daripada senarai penerima bantuan bermula tahun hadapan.

Oleh itu, saya serahkan kepada pengurusan tertinggi untuk melihat kesesuaian ini dan memikirkan mekanisme terbaik untuk menetapkan sasaran, dan seharusnya, kerjasama semua pihak diperlukan untuk memastikan hasrat ini dilaksanakan.

69 Saya juga ingin mengingatkan semua warga KPWKM untuk sentiasa mengambil peluang dan cakna dengan inisiatif-inisiatif yang diperkenalkan oleh Kerajaan.

70 Ini termasuklah pengumuman oleh YAB Perdana Menteri pada 19 Februari 2021 yang lepas mengenai Rangka Tindakan Ekonomi Digital Malaysia dan Inisiatif MyDigital yang berhasrat untuk memperkasakan setiap rakyat Malaysia untuk memperbaiki kehidupan dalam segenap aspek.

71 Manfaatnya yang serba inklusif pasti akan dapat dirasai oleh masyarakat termasuklah mereka yang berada di desa umpamanya, akan berpeluang memasarkan produknya secara meluas dengan bantuan teknologi. Terjemahkanlah perkara ini dalam setiap program kita yang bersesuaian.

72 Saya juga yakin, segala perancangan yang telah kita cartakan di bawah Rancangan Malaysia ke-12 bagi tempoh 2021-2025 telah diujarkan dengan Wawasan Kemakmuran Bersama (WKB) serta Matlamat Pembangunan Mampan bagi mengangkat kepentingan pembangunan masyarakat.

73 Sebentar lagi saya akan melancarkan Pelan Strategik KPWKM bagi tempoh 2021-2025 yang saya pasti, telah mengambil kira semua perkara yang telah saya sebutkan tadi.

74 Alhamdulillah, tahniah kepada semua warga KPWKM. Berkat kerjasama semua pihak, kita dapat menghasilkan dokumen yang akan menjadi rujukan penting dalam memacu segala penyampaian perkhidmatan kita bagi tempoh 5 tahun akan datang.

75 Terima kasih kepada semua pihak yang telah menyumbang idea, tenaga dan masa untuk menghasilkan Pelan ini.

Pelan Strategik KPWKM ini mengandungi 8 Teras Utama iaitu:

- a) Memperkasa wanita;
- b) Memperkukuh institusi keluarga;
- c) Melindungi dan membangun kanak-kanak;
- d) Memantapkan persekitaran kondusif warga emas;
- e) Memperkasa Orang Kurang Upaya;
- f) Meningkatkan kemandirian Kumpulan Khusus;
- g) Meningkatkan keterlihatan negara di peringkat antarabangsa; dan
- h) Meningkatkan kecekapan dan keberkesanan penyampaian perkhidmatan.

76 Kita juga telah bersetuju dan sepakat untuk mengemaskini Visi, Misi, Objektif dan pengkelasan Kumpulan Sasar KPWKM agar ia lebih komprehensif dan bersesuaian dengan halatuju semasa KPWKM.

Saya ingin menyeru agar agenda di peringkat agensi juga diselaraskan dengan Pelan Strategik ini agar kita sentiasa senada, sehaluan dan sepasukan dalam menterjemahkan kandungannya.

PENUTUP

Warga KPKWM yang saya kasihi,

77 Sebelum mengakhiri ucapan, sesungguhnya apa sahaja pencapaian Kementerian sepanjang tahun lalu dan lakaran kejayaan akan datang merupakan hasil penglibatan dan sumbangan semua pihak.

Teruskanlah usaha murni ini dan kita mestilah sentiasa bergerak sebagai “SATU KELUARGA” dalam menjayakan agenda Kementerian.

78 Saya juga ingin berpesan kepada semua warga Kementerian agar jangan lupa mendaftarkan diri untuk menerima suntikan vaksin Covid-19 menerusi saluran-saluran yang disediakan seperti aplikasi MySejahtera, laman web yang disediakan Jawatan Kuasa Khas Jaminan Akses Bekalan Vaksin COVID-19 (JKJAV) dan talian *hotline* 1-800-888-828.

Sampaikanlah pesanan ini kepada semua ahli keluarga anda agar hasrat Kerajaan untuk mencapai *herd immunity* dengan sekurang-kurangnya 80 peratus populasi penduduk dewasa di negara kita menerima vaksin dapat dicapai. Semoga usaha ini akan melindungi kita semua daripada mudarat Covid-19 dan saya mendoakan agar kita diberikan keafiatan, keselamatan dan kesejahteraan yang berkekalan.

79 Tidak dilupakan juga, terima kasih dan tahniah kepada LPPKN dan YKN selaku Jawatan Kuasa Induk majlis perhimpunan pada kali ini. Terima kasih juga kepada semua pihak yang terlibat dalam memastikan majlis ini berjalan dengan lancar.

80 Teruskan usaha, tingkatkan kerja dan sentiasa muhasabah diri untuk menambahbaik perkhidmatan kita kepada rakyat.

Sekian, terima kasih.

Wabillahi Taufik Walhidayah

Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

**YB DATUK SERI RINA MOHD HARUN
MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT
10 MAC 2021**